Ruj : UKM KPD/262/2
Tarikh : 3 Disember 2018

Semua Pelajar
Program Prasiswazah dan Siswazah
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia.
(Kecuali Pelajar FTSM)

Saudara/i,

**1. PENILAIAN PENGAJARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2018-2019**
**2. PENDAFTARAN AWAL KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2018-2019**

Merujuk kepada perkara di atas, sukacita sekiranya pelajar membaca dengan teliti dan mengambil tindakan seperti berikut:

| Bil | Perkara | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Pelajar hendaklah menggunakan Pengenalan (No Matrik) dan Kata Laluan bagi mencapai Sistem Maklumat Pelajar Eksekutif (SMPE) di laman web SMPE, www.ukm.my/smpe. Pelajar dinasihatkan supaya tidak mendedahkan kata laluan. | |
| 2. | Pelajar hendaklah membuat penilaian kursus yang diikuti pada Semester 1 Sesi Akademik 2018-2019 secara atas talian di laman web SPPKE, www.ukm.my/sppke sebelum membuat pendaftaran awal Semester 2 Sesi Akademik 2018-2019.<br>Sebarang pertanyaan sila hubungi dengan Pn Nor Hapizah Abd Rahman di talian 03-8921 3887 atau emel kepada norhapizah@ukm.edu.my . | **17-30 Disember 2018** |
| 3. | Pelajar hendaklah membuat pendaftaran awal kursus Semester 2 Sesi Akademik 2018-2019 di laman web SMPE, www.ukm.my/smpe. Sila semak penawaran kursus di laman web PKP mengikut mod pengajian masing-masing. | |
| 4. | Pendaftaran awal kursus adalah diwajibkan kepada semua pelajar. Pelajar yang tidak membuat pendaftaran awal kursus hanya dibenarkan membuat pendaftaran kursus Semester 2 Sesi Akademik 2018-2019 dalam tempoh tambah kursus **bermula pada 25 Mac 2019**. Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan. | |

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN
Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 5585/5609 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: noorsuzilawatidesa@ukm.edu.my Laman Web: http://www.ukm.my/pkp

| | | |
|---|---|---|
| | **BAGI PELAJAR YANG MASIH TIDAK MEMBUAT PENDAFTARAN SELEPAS TEMPOH TAMBAH KURSUS TAMAT, AKAN DIKENAKAN CAJ TERUS KE AKAUN PELAJAR SEBANYAK RM50 SEPERTI YANG TERDAPAT DI DALAM PERATURAN AM KEWANGAN PKP.** | |
| 5. | Edaran bahan bacaan akan diberi keutamaan kepada pelajar yang membuat pendaftaran awal kursus. | |
| 6. | Perlu diingatkan bahawa pendaftaran sebenar kursus Semester 2 Sesi Akademik 2018-2019 adalah tertakluk kepada keputusan peperiksaan semester sebelumnya dan keperluan prasyarat semester berikutnya. | |

Sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak kami di talian 03-8921 3914 atau emel kepada bpapkp@ukm.edu.my. Kerjasama yang diberikan didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,

**NOOR SUZILAWATI BINTI DESA**
Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
b.p. Timbalan Pengarah

s.k. - Penyelaras Program, PKP
- Ketua Jabatan Teknologi Maklumat & Sokongan Pembelajaran, PKP